

# KMI Healthcare bangun blok hospital pakar baharu bernilai RM72 juta di Tawau

Oleh **Bernama** - April 14, 2026 @ 10:53pm



KMI Tawau Medical Centre - Foto laman web TDM Bhd

KUALA LUMPUR: Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare), cabang penjagaan kesihatan TDM Bhd bakal mengoperasikan blok hospital pakar baharu di KMI Tawau Medical Centre, Sabah dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM72 juta.

Dalam satu kenyataan hari ini, KMI Healthcare memaklumkan projek berkenaan akan dilaksanakan selepas pemeteraian perjanjian membina dan pajakan kecil di antara anak syarikatnya, KMI Tawau Medical Centre Sdn Bhd (KMITMC) dengan Tawau Healthcare Sdn Bhd (THSB).

Pembinaan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan selepas memenuhi syarat-syarat utama dengan operasi kemudahan baharu itu bermula pada suku kedua 2028.

"Dengan jumlah kapasiti yang dirancang sebanyak 59 katil, pusat perubatan yang diperluas itu bakal menawarkan akses yang lebih baik kepada pekhidmatan pakar, disokong oleh infrastruktur moden, kemudahan yang dipertingkatkan serta sistem perubatan yang terkini," katanya.

ADVERTISEMENT

## DISYORKAN

- Beg silang dilarikan, RM400 duit gaji baru dapat lesap
- Pakistan gesa AS, Iran lanjutkan gencatan senjata
- Ako Mustapha dakwa anak dibuli, kes dirujuk ke HKL
- AS arah 28 kapal berpatah balik di bawah sekatan pelabuhan Iran - CENTCOM

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr Rayney Azmi Ali, berkata pengembangan tersebut mencerminkan komitmen kumpulan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, mudah diakses dan berpusatkan pesakit kepada komuniti di Sabah.

"KMITMC telah lama berkhidmat untuk masyarakat setempat dan fasa pertumbuhan seterusnya ini membolehkan kami meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kami serta memenuhi permintaan yang semakin meningkat," kata beliau.